



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PENOLONG OPERESEN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG OPERESEN  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan / Kejuruteraan *Audio* dan *Video* / Kejuruteraan Elektrikal / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komputer / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Penyiaran / Media Komunikasi / Penyiaran *Audio* dan *Video* / Penyuntingan *Audio* dan *Video* / Sistem *Audio* dan *Video* / Teknologi *Audio* dan *Video* / Teknologi Elektronik / Teknologi Penyiaran atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

2. Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

3. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
4. Mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal media penyiaran;



5. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang operasi televisyen / operasi radio;
6. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penggambaran / rakaman video / rakaman suara / penyiaran;
7. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan; dan
8. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk memahirkkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengurus Teknik Studio atau Penolong Operesen Kanan yang berkenaan;
2. Menjalankan tugas dalam hal ehwal operasi penyiaran televisyen / penyiaran radio berdasarkan kepada penempatan (seksyen/unit) Penolong Operesen tersebut seperti di studio televisyen / studio radio / pos-produksi dan rakaman televisyen / siaran luar;
3. Bertanggungjawab bagi satu-satu peralatan yang dikendalikannya secara bersendirian semasa latihan / rakaman / siaran langsung; dan
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.